

Headline **Ia Bermula Dengan Anda**
Date **20 Jun 2011**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Hip**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **20**
Article Size **542 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **23,878**
PRValue **71,634**



► Oleh **Shaidah Shafie**
shasha@bharian.com.my

BERDASARKAN kenyataan dikeluarkan Majlis Aids Malaysia, kes berkaitan Aids tahun lalu dilaporkan berjumlah 16,352 manakala kematian pula adalah 12,943 - satu angka yang tinggi walaupun pelbagai tindakan dilakukan kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan untuk mengatasinya.

Kempen kesedaran umpamanya masih lagi diperhebatkan setiap masa dalam usaha menyedarkan masyarakat mengenai bahaya Aids kerana apabila ada antara ahli keluarga atau rakan yang didapati dijangkiti, ia pasti memberi kesan kepada anggota keluarga yang lain kerana kemungkinan akan kehilangan orang yang paling akrab

Headline **Ia Bermula Dengan Anda**
Date **20 Jun 2011**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Hip**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **20**
Article Size **542 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **23,878**
PRValue **71,634**

dalam hidup.

Program 'Ia Bermula Dengan Anda' (IBWY) anjuran Merck Sharp & Dohme (MSD) Malaysia menggembelng tenaga pelbagai pihak menanam kesedaran masyarakat mengenai bahaya Aids wajar diperhebat kerana ia memberi banyak maklumat kepada masyarakat mengenai bahaya penyakit berkenaan.

Program ini juga diadakan bertujuan menangani nisbah doktor kepada pesakit HIV yang semakin membimbangkan dengan menggabungkan sumber dan kepakaran daripada organisasi yang bekerjasama dalam mencapai objektif berkenaan.

IBWY yang diadakan sempena memperingati Hari Aids Sedunia itu adalah kerjasama MSD dengan Persatuan Perubatan HIV Malaysia (MaSHM) dan Majlis Aids Malaysia (MAC) selain pelajar bidang perubatan daripada beberapa universiti tempatan.

Pengarah Urusan MSD, Ewe Kheng Huat, berkata beliau agak teruja dengan sambutan diberikan masyarakat terhadap program yang dianjurkan dalam usaha menyedarkan masyarakat mengenai penyakit berkenaan.

"Kami amat gembira dengan kesan inisiatif Ia Bermula Dengan Anda. Kita sudah melihat kehidupan seseorang berubah dan perspektif turut dicabar."

"Lebih penting, kami sudah membantu menyemai benih komitmen antara bakal doktor masa depan yang berani tampil menjadi doktor untuk merawat pesakit yang hidup dengan HIV (PLHIV)," katanya dalam satu kenyataan media, baru-baru ini.

Mantan Presiden MaSHM, Dr Christopher Lee, berkata sejak 1986 hingga 2010, sejumlah 91,362 kes HIV-

positif dilaporkan dengan 12,943 mempunyai hubung kait dengan Aids.

"Walaupun rawatan mengenai HIV semakin mudah didapati, jumlah penyakit berkaitan dengannya juga semakin bertambah, sekali gus memberi petanda menakutkan terhadap kami yang mengetahui mengenai penjagaan kesihatan secara profesional ini.

"Program ini bermula dengan beberapa doktor yang merawat pesakit HID dan Aids. Keadaan berkenaan amat mencabar dan menuntut rasa persaudaraan yang tinggi untuk kami membantu merawat dan menangani HIV serta Aids," katanya.

Dr Lee berkata, program berkenaan membenarkan penuntut berhadapan dengan stigma sosial dan mereka berinteraksi dengan pesakit yang hidup dengan HIV (PLHIV). Ia penting dalam membentuk perspektif mereka sebagai bakal pakar penjagaan kesihatan masa

depan.

Presiden MAC yang turut hadir, Datuk Mohd Zaman Khan berkata, stigma dan diskriminasi masih wujud sama ada masyarakat mahu mengakuinya atau tidak walaupun sikap terhadap isu ini menjadi lebih baik sejak 80-an.

"Dengan bakal doktor dibekalkan dengan pengetahuan dan pemahaman yang lebih mendalam mengenai isu HIV dan Aids, mereka akan menjadi pakar perubatan yang akan merawat PLHIV dengan rasa hormat.

"Justeru, kami berharap supaya bilangan PLHIV yang tampil untuk mendapat rawatan akan meningkat dan mereka tidak lagi terpinggir. Malah, kami berharap halangan yang dihadapi selama ini untuk mendapatkan rawatan juga akan dihapuskan sama sekali," katanya.

Pada program sama, PLHIV turut berkongsi pengalaman dengan orang awam bagaimana pendidikan kepada orang ramai dan program yang dijalankan membawa perubahan kepada kehidupan mereka.



Kami amat gembira dengan kesan inisiatif Ia Bermula Dengan Anda. Kita sudah melihat kehidupan seseorang berubah dan perspektif turut dicabar"

Ewe Kheng Huat
Pengarah Urusan MSD



▶▶ (Dari kanan) Ewe Kheng Huat, Mohd Zaman, Dr Masliza Zaid mewakili MAC dan dua personaliti, Nadia serta Ben yang memeriahkan program IBWY.